



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 635

AKTA FI (TAMAN LAUT MALAYSIA) (PENGESAHAN) 2004

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

**AKTA FI (TAMAN LAUT MALAYSIA)
(PENGESAHAN) 2004**

Tarikh Perkenan Diraja 6 Ogos 2004

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 12 Ogos 2004

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 635****AKTA FI (TAMAN LAUT MALAYSIA)
(PENGESEHAN) 2004**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Pengesahan dan tanggung rugi

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 635

AKTA FI (TAMAN LAUT MALAYSIA) (PENGESEHAN) 2004

Suatu Akta untuk mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan apa-apa kemasukan ke mana-mana Taman Laut Malaysia selama tempoh mulai 1 Januari 1999 hingga 17 Julai 2003.

[13 Ogos 2004]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004.

Pengesahan dan tanggung rugi

2. (1) Walau apa pun peruntukan Akta Fi 1951 [*Akta 209*], fi yang telah dikenakan dan dipungut oleh Jabatan Perikanan Malaysia berkenaan dengan apa-apa kemasukan ke mana-mana Taman Laut Malaysia selama tempoh mulai 1 Januari 1999 hingga 17 Julai 2003, iaitu hari sebelum tarikh mula berkuat kuasa Perintah Fi (Taman Laut Malaysia) 2003 [*P.U. (A) 266/2003*], hendaklah disifatkan telah dikenakan dan dipungut dengan sah.

(2) Tiada tindakan atau prosiding undang-undang boleh dibawa, dimulakan atau disenggarakan terhadap Kerajaan Malaysia atau mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak di bawahnya berkenaan dengan apa-apa fi yang dikenakan dan dipungut, dan jika apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang sedemikian telah dibawa, dimulakan atau disenggarakan, ia hendaklah dibatalkan dan dijadikan tidak sah dan tiada pembayaran balik berkenaan dengan fi yang telah dikenakan dan dipungut seperti yang dinyatakan dalam Akta ini boleh dibuat.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 635****AKTA FI (TAMAN LAUT MALAYSIA)
(PENGESAHAN) 2004****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa
dari

– TIADA –

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 635****AKTA FI (TAMAN LAUT MALAYSIA)
(PENGESAHAN) 2004****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa
dari– TIADA –
